

09/04/1997

Pemuda Pas tidak beritahu rancangan

ALOR STAR, Selasa - Jawatankuasa Pas Pusat tidak dimaklumkan mengenai sebarang rancangan Dewan Pemuda parti itu untuk membantah kehadiran pasukan kriket Israel dalam pertandingan Trofi Majlis Kriket Antarabangsa 1997, di Kuala Lumpur.

Jawatankuasa itu juga tidak mengetahui rancangan penyerahan memorandum bantahan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, demonstrasi di pintu masuk Universiti Malaya (UM) Jumaat lalu serta cadangan menghebahkan kepada seluruh dunia kononnya pentadbiran di Malaysia tidak seperti yang difahami pihak luar.

Pas juga tidak bercadang untuk mengambil tindakan terhadap Dewan Pemuda kerana pergerakan itu memiliki hak kebebasan bersuara, memberi pandangan serta mengemukakan cadangan.

Presidennya, Fadzil Noor berkata, kecuali cadangan menghebahkan pentadbiran kerajaan Malaysia, tindakan dewan pemuda (menghantar memorandum dan mengadakan demonstrasi) adalah perkara biasa yang tidak perlu menunggu keputusan daripada jawatankuasa pusat.

Beliau berkata, sebarang tindakan oleh dewan pemuda yang tidak membabitkan perkara dasar yang besar tidak perlu mendapat kelulusan jawatankuasa pusat.

"Itu (memperolehi kebenaran) mengikut keadaan sesuatu isu. Kalau isu itu membabitkan perkara dasar yang besar ia perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pas Pusat. Kalau isu biasa memang dewan boleh bertindak," katanya kepada pemberita ketika ditemui di rumahnya, di sini, hari ini.

Fadzil juga mengakui bahawa beliau tidak dimaklumkan lebih awal mengenai penyerahan memorandum dan demonstrasi kecuali mengetahuinya selepas ia dilaporkan dalam televisyen dan akhbar.

Menurutnya, jawatankuasa pusat tidak membincangkan mengenainya kerana tidak ada mesyuarat pada tarikh berkenaan tetapi parti itu tidak menghalang memorandum disampaikan kepada Perdana Menteri.

"Kita tidak menghalang kerana ia proses biasa supaya Perdana Menteri dapat membaca dan memahami perasaan rakyat, terutama umat Islam mengenai kedatangan pasukan kriket di waktu Israel sedang membunuh umat Islam di Palestin dengan kejam.

"Kedatangan pasukan Israel juga secara mengejut dan masa terlalu suntuk ... memorandum itu perlu disampaikan segera," katanya.

Mengenai cadangan Ketua Dewan Pemuda Pas, Abu Bakar Chik untuk menghebahkan pentadbiran Kerajaan Malaysia, Fadzil berkata, ia adalah cadangan pemuda dan perlu dimaklumkan kepada jawatankuasa pusat untuk dibincangkan.

Menurutnya, walaupun hanya mengetahui perkara itu melalui media, beliau yakin Dewan Pemuda Pas akan memaklukkannya secara rasmi untuk dikaji oleh jawatankuasa pusat sebelum diluluskan.

"Saya tidak dapat mengesahkan sama ada ia kenyataan peribadi atau mungkin keputusan mesyuarat dewan pemuda," katanya.

(END)